



1. JAWATAN	: PENGANALISA SISTEM KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: EMPAT (4)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Sains Komputer / Sistem Maklumat / Kejuruteraan Elektronik atau bidang berkaitan dengan hal ehwal komputer.
ii. Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penganalisa Sistem atau Jurutera Sistem atau jawatan berkaitan dengan bidang komputer dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGANALISA SISTEM KANAN:

Bertanggungjawab dalam memantau dan memastikan kualiti dan prestasi Pengurusan fungsi dan perkhidmatan ICT dijalankan dengan jujur, cekap, amanah dan sempurna mengikut dasar dan amalan baik dan juga perkara-perkara seperti di bawah ini:

1. Memantau / memastikan kualiti dan prestasi pelaksanaan projek-projek dan perkhidmatan ICT dijalankan dengan teratur termasuk pelaksanaan rancangan-rancangan dan pengendalian sumber-sumber projek dan perkhidmatan berkenaan.



2. Membantu Pengurus Sistem dalam mengurus fungsi dan perkhidmatan ICT dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab Pusat tersebut yang meliputi perkara-perkara seperti berikut:
 - a) *Customer Relationship Management* antaranya perkhidmatan *call centre, help desk, Service Level*.
 - b) Infrastruktur yang meliputi pembangunan, perkembangan, pemeliharaan sistem-sistem aplikasi utama dan kandungan sistem maklumat lainnya.
 - c) Mengetuai pengendalian operasi termasuk prasarana rangkaian *24 x 7 Operation System Administration, Networks, Security and Facilities*.
 - d) Membantu dalam penyediaan pelan induk bagi pelaksanaan projek-projek e-Kerajaan.
 - e) Menganalisa keberkesanan cadangan projek-projek e-Kerajaan.
3. Menyediakan piawaian, dasar dan prosedur untuk memastikan pengoperasian mengikut amalan terbaik (*best practices*).
4. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau wakilnya dari semasa ke semasa.